



PUTRAJAYA HOLDINGS
199501034950 (364152-K)

KENYATAAN TENDER

**TENDER TERBUKA UNTUK KONTRAKTOR-KONTRAKTOR TEMPATAN
BERDAFTAR YANG TIDAK MEMPUYAI KEPENTINGAN ASING**

CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KERJA-KERJA BAGI FASA 1 INFRASTRUKTUR UTAMA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PRESINT 19, PUTRAJAYA.

Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. menjemput Kontraktor Tempatan yang Berdaftar di Malaysia yang mempunyai pengalaman dan berkelayakan serta tidak mempunyai kepentingan asing (syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia adalah dikecualikan) dan mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyertai tender bagi kerja-kerja seperti yang dinyatakan di atas.

Hanya Kontraktor Berdaftar di Malaysia yang memenuhi kriteria berikut sahaja akan dipertimbangkan:

- Mestilah berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)** di bawah Gred 7 (G7) dengan kategori **B04 (Kerja-kerja pembinaan bangunan)** dan **CE21 (Pembinaan kejuruteraan awam)**.
- Mempunyai pengalaman yang berkaitan dan rekod prestasi yang terbukti dalam menyiapkan kerja-kerja pembinaan **Infrastruktur** dengan **nilai kontrak minimum RM15 juta** dalam satu kontrak, yang telah siap dalam tempoh **sepuluh (10) tahun** yang lalu.
- Usahasama atau Konsortium **TIDAK** dibenarkan.

Kontraktor-kontraktor tempatan berdaftar yang berminat adalah dijemput menghadiri **Taklimat Tender & Lawatan Tapak** yang akan diadakan seperti berikut :-

Tarikh	Masa	Tempat
6 Oktober 2025 (Isnin)	10.00 pagi	Kenyir Ballroom 1, DoubleTree by Hilton Putrajaya Lakeside 2, Jalan P5-5, Presint 5, 62200 PUTRAJAYA Tel: 03-8883 8622 / 03-8883 8866 Email: tendersecretary07@klcc.com.my

Maklumat Tender yang mengandungi butiran Dokumen Tender akan diedarkan semasa sesi Taklimat Tender.

Kontraktor-kontraktor perlu mengemukakan **sijil-sijil pendaftaran asal dan salinan yang masih sah laku** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** pada hari tersebut.

Hanya **dua (2)** orang wakil yang bertauliah dari setiap syarikat dibenarkan hadir ke sesi Taklimat Tender & Lawatan Tapak ini.

Hanya kontraktor-kontraktor yang telah menghadiri **Taklimat Tender dan Lawatan Tapak** pada tarikh dan masa di atas serta kemudiannya mengesahkan minat untuk menyertai tender selepas Lawatan Tapak atau melalui emel kepada "Setiasaha Tender" ke alamat emel di atas, layak untuk menyertai Tender.

Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan Dokumen Tender ini adalah di atas tanggungan kontraktor-kontraktor yang menyertai pelawaan ini.